

17/04/1997

Sikap warga KL terima perubahan

Manja

MALAM kelmarin, satu lagi mercu tanda Kuala Lumpur (KL) dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Bagaimanapun, kali ini ia bukan bangunan pencakar langit seperti Menara KL atau Menara Kembar Petronas tetapi sebuah stesen pengangkutan terbesar dan terancang di rantau ini, Stesen KL Sentral. Stesen yang dibangunkan oleh Kuala Lumpur Sentral Sdn Bhd itu akan menempatkan 12 platform dalam sebuah bangunan enam tingkat dan mampu menyediakan perkhidmatan kepada 140,000 penumpang setiap hari sehingga tahun 2000, dan 100 juta penumpang setahun sehingga 2020. Ia akan menjadi pusat perkhidmatan rel seperti sistem transit rel ringan (LRT), KTM Komuter, kereta api antara bandar dan Hubungan Rel Ekspres (ERL). ERL juga dihubungkan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di Sepang. Dengan kata lain KL tidak lama lagi akan mempunyai stesen pengangkutan awam rel seperti Central Station di New York atau Victoria di London.

KL Sentral, yang dijadualkan siap pada 1999 nanti, turut memudahkan penumpang kapal terbang untuk membuat check in sebelum menaiki pesawat di KLIA, Sepang. Ini kerana dengan menggunakan ERL dari situ ke KLIA dijangka hanya mengambil masa 30 minit. Malah seperti kata Dr Mahathir, kajian sedang dijalankan untuk mengadakan sistem elektronik bagi pengendalian bagasi di KL Sentral untuk keselesaan penumpang dan keselamatan penerbangan. Bayangkan keselesaan warga dan pengunjung KL ketika itu nanti. Bagaimanapun, sehingga semua sistem pengangkutan itu siap, kesesakan lalu lintas yang teruk kepada warga kota sekarang tidak dapat dielakkan. Kita bersetuju dengan saranan Dr Mahathir supaya warga kota harus menjangka keadaan paling teruk sebelum ia pulih semula dengan lebih selesa.

Apabila siapnya KL Sentral, KLIA, Koridor Raya Multimedia dan semua sistem pengangkutan awam moden menjelang abad ke-21 nanti, KL yang asalnya kawasan penempatan pendulang timah 100 tahun lalu pasti bertukar wajah. Sementara kita tidak sabar menunggu dan berharap dipanjangkan usia untuk turut menikmati keselesaan itu, kita juga berharap semua pihak yang terbabit dalam menyediakan perkhidmatan ini serta warga kota sendiri bersiap sedia menghadapinya. Kemudahan fizikal dan infrastruktur semata-mata belum menjamin keselesaan sepenuhnya tanpa perubahan sikap dan budaya kita. Kita tidak mahu KL nanti hanya dikagumi dengan bangunan tinggi dan kemudahan pengangkutan canggih tetapi sikap warga kotanya tidak berubah. Pemandu basnya masih menjadi raja di jalan raya, pemandu teksi semakin berani mendera penumpang dan pekerja kereta api masih mengamalkan cara bekerja di zaman kereta api arang batu.

Pengalaman menaiki KTM Komuter dari Stesen Subang Jaya ke KL baru-baru ini menambahkan keyakinan kita bahawa pengendali pengangkutan awam harus lebih profesional dengan kecanggihan yang ditawarkan. Mungkin kerana kerosakan teknikal, pendingin udara komuter yang sarat dengan penumpang untuk pergi bekerja itu, tidak berfungsi. Akibatnya penumpang bukan saja berpeluh kepanasan, malah ada yang hampir pengsan kerana kekurangan udara. Malangnya, petugas KTM tidak membuat pengumuman mengatakan pendingin udara tidak berfungsi, apa lagi meminta maaf kerana ketidakselesaan itu. Jika kejadian hari itu hanyalah keterlanjuran KTM, seorang rakan yang menjadi penumpang setia KTM Komuter juga mengalami pengalaman hampir serupa. Kali ini bukan pendingin udara yang tidak berfungsi tetapi komuter sendiri yang rosak berhampiran Stesen Angkasapuri waktu orang ramai pulang

bekerja kira-kira jam 5 petang. Selepas setengah jam berhenti, tidak ada sebarang pengumuman daripada petugas KTM sama ada memberitahu punca komuter itu berhenti atau meminta maaf kepada penumpang. Kerana tidak tahan menunggu, apalagi terpaksa berdiri sesak bagaikan dalam ketuhar, separuh daripada penumpang turun dan menanti bas atau teksi untuk pulang. Mereka bernasib baik tempat itu berhampiran perhentian bas dan jalan utama. Jika pemandu KTM Komuter itu dapat membuat pengumuman setiap kali komputer akan tiba di sesebuah stesen, kita hairan kerana mereka tidak membuka mulut memberitahu perkara sebenar apabila ada kerosakan yang jarang berlaku.

Dua kejadian ini hanyalah contoh kecil dan tentulah tidak adil jika ia dijadikan cermin perbandingan dengan tahap perkhidmatan KTM atau sistem pengangkutan awam lain. Cuma yang kita kawatiri, soal-soal kecil begini, jika dibiarkan terus, mungkin terbawa-bawa apabila kita melangkah lebih jauh nanti. Kecanggihan semua infrastruktur pengangkutan awam di KL menjelang tahun 2000 nanti akan menjadi buah mulut dunia dan kebanggaan negara. Kemajuan sesuatu bangsa bukan semata-mata diukur melalui kemodenan infrastruktur tetapi tidak kurang pentingnya ialah `courtesy' warga kotanya seperti yang kita temui di Tokyo, London, Paris atau New York walaupun keikhlasan mereka masih diragui.

(END)